

UMP menang pingat emas di Hanoi

UMP (Kampus) Kaban
KUANTAN 19 April - 20/4/11
Empat pelajar Diploma
Kejuruteraan Awam
Fakulti Kejuruteraan
Awam dan Sumber Alam
(FKASA) Universiti
Malaysia Pahang (UMP)
mencatat sejarah apabila
meraih pingat emas dalam
Pameran Antarabangsa
Pereka Muda (IEYI 2010)
di Hanoi, Vietnam
baru-baru ini.

Empat pelajar terbabit
ialah Mohamad Amirul
Shazwan Zakaria,
Mohamad Hafizuddin
Ramli, S.R. Muthukumar
dan Amirudin Ibrahim.

Pensyarah FKASA,
Abdul Syukor Abd. Razak
berkata, program
mentor-mentee yang
dilaksanakan di UMP
berjaya mendidik pelajar
dalam menghasilkan
penyelidikan bermutu
tinggi dan diiktiraf
antarabangsa.